



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN MEI 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Mei 2023. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas kira-kira 500 perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI di mana **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, adalah 50.0 bagi bulan Mei 2023, berbanding dengan 49.8 pada bulan April 2023. Meskipun sektor-sektor perniagaan mempunyai pendapat yang berlainan terhadap prestasi perniagaan pada bulan Mei, sentimen secara keseluruhannya adalah tidak berbeza dengan bulan sebelumnya. Kebanyakan perniagaan menjangka aktiviti perniagaan akan meningkat dengan pengembalian semula waktu bekerja seperti biasa pada bulan Mei 2023. Sentimen optimistik juga disokong oleh pelbagai projek yang masih berjalan dan kenaikan tahap permintaan bagi pelbagai produk dan perkhidmatan, terutamanya di dalam sektor Hotel dan Restoran. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan menjangka keadaan yang lebih perlahan yang lazimnya berlaku selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri. Memandang ke hadapan, sentimen bagi bulan Jun 2023 adalah 49.8, menunjukkan bahawa perniagaan secara amnya menjangka keadaan yang kurang optimistik pada bulan Jun 2023 berbanding dengan bulan Mei 2023. Ini didorong oleh jangkaan aktiviti perniagaan dan permintaan yang secara bermusim akan menurun setelah sambutan Hari Raya Aidilfitri.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan Mei 2023, 49.9 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.0 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap perbelanjaan pelaburan pada bulan Mei 2023, antaranya bagi pembelian untuk meningkatkan inventori; pembelian mesin, peralatan dan kenderaan baharu; pengubahsuaian dan perkembangan perniagaan; serta pembukaan cawangan baharu. Memandang ke hadapan, perniagaan secara amnya menjangka akan mengurangkan tahap perbelanjaan pelaburan memandangkan kebanyakan pelaburan besar telah dibuat pada awal tahun ini.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi bulan Mei 2023, dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Seperti tren dari bulan-bulan yang lepas, perniagaan menjangka akan meningkatkan jumlah pekerja pada bulan Mei dan Jun 2023. Kebanyakan perniagaan melaporkan bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi termasuk proses pengambilan pekerja asing yang mengambil masa yang lama, kos pengambilan yang tinggi, dan kesukaran dalam mencari pekerja tempatan yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian. Satu cabaran umum yang dikongsikan oleh perniagaan-perniagaan adalah kadar pusing ganti pekerja yang tinggi. Sebagai cara menangani masalah kekurangan tenaga kerja, beberapa perniagaan mengambil tenaga kerja sambilan serta memberikan penempatan kerja dan *internship* bagi para pelajar kolej dan universiti dalam masa terdekat.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.2 bagi bulan April 2023, dan 50.4 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, kos menjalankan perniagaan pada bulan Mei dan Jun 2023 adalah dijangka lebih tinggi daripada bulan sebelumnya. Dengan waktu bekerja seperti biasa, para peniaga menjangka kos operasi yang lebih tinggi, dengan peningkatan kos-kos utiliti dan penyelenggaraan secara amnya. Rata-rata perniagaan juga menjangka kenaikan harga barangan import dan kos pengangkutan; pembayaran gaji yang lebih tinggi; dan perbelanjaan yang meningkat dengan penambahan tahap aktiviti perniagaan dan pembuatan bagi beberapa sektor ekonomi.

BSI Mei 2023	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	49.8
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.0
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.2
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.4

8. Dari segi **sektor ekonomi**, empat daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik bagi bulan Mei 2023. Sektor Hotel dan Restoran menunjukkan sentimen optimistik yang tertinggi pada tahap 50.6 disebabkan oleh keadaan yang lebih baik dengan perniagaan beroperasi seperti biasa selepas bulan Ramadhan. Indeks bagi sektor Kesihatan dan Pendidikan adalah pada tahap 50.2 bagi bulan Mei 2023, menunjukkan bahawa, secara amnya, perniagaan dalam sektor ini menjangka keadaan perniagaan yang lebih baik dengan penambahan tenaga kerja dan waktu bekerja seperti biasa. Sektor-sektor lain yang menjangka keadaan perniagaan yang lebih optimistik adalah sektor Pengangkutan dan Komunikasi; dan sektor Perkhidmatan Lain. Perniagaan dalam sektor-sektor ini menjangka prestasi perniagaan akan meningkat dengan peningkatan jualan, langganan dan projek pada bulan Mei 2023. Sebaliknya, dua

daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen pesimistik. Sektor Pembinaan serta Perdagangan Borong dan Runcit masing-masing melaporkan jangkakan penurunan jumlah projek baharu dan tren jualan setelah musim Hari Raya Aidilfitri. Manakala, sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan; sektor Pembuatan; dan sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan; sektor Kewangan dan Insurans; dan sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman pula menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan Mei 2023 berbanding dengan bulan April 2023.

Keadaan Perniagaan Mei 2023 Mengikut Sektor	
Hotel & Restoran	50.6
Kesihatan & Pendidikan	50.2
Pengangkutan & Komunikasi	50.1
Perkhidmatan Lain	50.1
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.0
Pembuatan	50.0
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.0
Kewangan & Insurans	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Pembinaan	49.9
Perdagangan Borong & Runcit	49.6

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz kecil dan sederhana berpandangan optimistik bagi bulan Mei 2023 berbanding dengan bulan sebelumnya. Kebanyakan perniagaan menjangka peningkatan jualan sempena musim perayaan. Sebaliknya, prestasi perniagaan bersaiz mikro menurun sedikit berbanding dengan bulan April 2023 disebabkan oleh beberapa isu-isu seperti isu perlesenan dan tenaga kerja. Di samping itu, perniagaan bersaiz besar melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan April 2023.

Keadaan Perniagaan Mei 2023 Mengikut Saiz	
Mikro	49.9
Kecil	50.1
Sederhana	50.1
Besar	50.0

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 9 Zulhijjah 1444H / 28 Jun 2023M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan


ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.


BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mei 2023



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama

berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: *Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*